

Nama : _____

Kelas : _____



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI INTAN
FAIR PARK, IPOH
Selagi Berilmu Selamanya Berjaya

T5

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2020

SEJARAH
KERTAS 2
2 ½ JAM

1249/2

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama dan kelas** anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
3. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B.**
4. Tulis jawapan bagi **Bahagian A** dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Tulis jawapan bagi **Bahagian B** pada kertas helaian tambahan.
6. Sila bulatkan soalan bagi **Bahagian B** yang anda pilih.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
8. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan..

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah		100	

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Disahkan oleh:


Pn. Soraya Begum bt. Abdul Rahman
Ketua Bidang Kemanusiaan

Pn. Santhi a/p Muniretnam
Guru Subjek Tingkatan 5

Pn. Hjh Rusnah bt Ahmad
Penolong Kanan Pentadbiran

**BAHAGIAN A (40 MARKAH)
JAWAB SEMUA SOALAN**

1. Peta menunjukkan lokasi Mesir Purba.



a. Namakan dua bandar dalam Tamadun Mesir Purba ?

[2 markah]

i. _____ ii. _____

b.



Ratu Hatshepsut adalah Firaun ke-5 dari Dinasti ke-8 yang memerintah di zaman Mesir Kuno. Para ilmuwan banyak menganggap Ratu Hatshepsut merupakan seorang Firaun wanita yang paling berjaya di Mesir kerana memerintah lama berbanding yang lain
<http://www.african-union.org/> wanita paling berpengaruh di Mesir.

Berdasarkan kenyataan di atas , apakah iktibar yang boleh dijadikan panduan untuk mengiktiraf sumbangan wanita kepada pembangunan negara?

[4 markah]

c. Sebagai pemimpin, apakah keistimewaan masyarakat Mesir Purba yang boleh dicontohi untuk memajukan negara kita.

[4 markah]

2. Beberapa siri peperangan antara kaum Quraisy Makkah dengan orang Islam Madinah telah berlaku antara tahun 622 M hingga 630 M.

a. Apakah maksud Khandak?

[1 markah]

b. Namakan dua peperangan yang berlaku dalam sejarah perkembangan Islam.

[2 markah]

i. _____

ii. _____

c. Apakah garis panduan yang perlu dipatuhi oleh tentera Islam dalam peperangan?

[3 markah]

d. Peperangan yang berlaku dalam sesebuah negara boleh membawa kepada kemusnahan harta benda dan terkorban nyawa.

Sebagai pemimpin, apakah yang wajar dilakukan bagi mengelakkan daripada berlakunya peperangan pada masa hadapan?

[4 markah]

3. Jadual di bawah menunjukkan penguasaan Imperialisme Barat di Asia Tenggara.

Kuasa Imperialisme	Tanah Jajahan
Portugal	Melaka
Spanyol	Filipina
Belanda	Indonesia
Britain	Tanah Melayu, Burma

a. Apakah maksud Imperialisme? [2 markah]

b. Nyatakan dua faktor Imperialisme Barat di Asia Tenggara. [2 markah]

c. Pada pandangan anda, apakah keistimewaan di Asia Tenggara yang menyebabkan kuasa barat datang menjajah? [2 markah]

d. Pada pandangan anda bagaimanakah kita dapat mengekalkan kemerdekaan negara daripada penjajahan ? [2 markah]

e. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan kesan penjajahan Barat di negara kita. [2 markah]

4. Suruhanjaya Reid telah dibentuk oleh British pada bulan Mac 1956.

a. Namakan tokoh-tokoh yang menganggotai Suruhanjaya Reid.

i. _____

ii. _____

[2 markah]

b. Apakah tugas suruhanjaya tersebut?

i. _____

ii. _____

[2 markah]

c. Kerakyatan secara jus soli yang dituntut oleh orang dagang telah diterima oleh Raja-raja Melayu dengan syarat-syarat tertentu.

Berikan syarat-syarat tersebut.

i. _____

ii. _____

[2 markah]

d. Apakah kepentingan perlembagaan kepada negara kita?

[4 markah]

BAHAGIAN A (100 MARKAH)
PILIH MANA-MANA TIGA SOALAN SAHAJA

5.



Candi Angkor Wat



Candi Lembah Bujang

5. Gambar di atas menunjukkan warisan yang terkenal di Asia Tenggara.

- a. Jelaskan ciri-ciri yang terdapat pada candi – candi di Lembah Bujang? [6 markah]
- b. Mengapakah pemerintah kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara membina candi? [6 markah]
- c. Berikan cadangan anda untuk memulihara warisan kesenian di negara kita. [8 markah]


6. Kerajaan Melayu Melaka muncul sebagai sebuah kuasa yang unggul pada abad ke-15.

- a. Jelaskan faktor yang membolehkan Melaka muncul sebagai sebuah kuasa perdagangan pada abad ke-15. [6 markah]
- b. Terangkan mata wang yang digunakan di pelabuhan Melaka pada abad ke-15. [6 markah]
- c. Jelaskan sistem percukaian yang diamalkan oleh Kerajaan Melayu Melaka. [8 markah]

7. Dasar ekonomi penjajah British telah memberi kesan kepada proses perbandaran di Tanah Melayu.

- a. Jelaskan faktor perbandaran di Tanah Melayu. [6 markah]
- b. Terangkan usaha kerajaan British dalam mempertingkatkan taraf kesihatan di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19. [6 markah]
- c. Apakah langkah-langkah yang patut diambil oleh kerajaan Malaysia dalam mengurangkan penularan wabak penyakit. [8 markah]

8. Gambar berikut merupakan penulis akhbar dan majalah yang terkenal pada tahun 1920-an dan 1930-an.



a. Mengapakah tokoh-tokoh tersebut memilih akhbar dan majalah sebagai medium perjuangan nasionalisme mereka [6 markah]

b. Andaikan anda seorang wartawan akhbar harian tempatan. Apakah tema penulisan yang akan anda nukilkan bagi membuktikan kecintaan anda pada tanah air? [4 markah]

c. Senarai berikut menunjukkan media yang terdapat pada hari ini.

- Akhbar
- Majalah
- Radio
- Televisyen
- Internet

Bagaimanakah media tersebut dapat memainkan peranan dalam menyemai semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat hari ini. [6 markah]

d. Akhbar dan majalah masih lagi relevan digunakan sebagai wadah penggerak semangat kebangsaan berbanding dengan media yang lain pada hari ini. Setujukah anda dengan kenyataan ini? Kemukakan alasan anda. [4 markah]

9. Pilihan raya merupakan proses memilih wakil rakyat untuk memerintah sama ada pada peringkat Negeri atau Persekutuan. Pilihan raya diadakan bagi menjamin keadilan dan kesejahteraan kepada negara.



Pembuangan kertas undi di salah satu pusat pembuangan

a. Jelaskan proses pilihan raya di Malaysia. [6 markah]

b. Huraikan sebab-sebab seseorang calon pilihan raya hilang kelayakan untuk bertanding. [4 markah]

c. Berdasarkan kepada pengetahuan anda, mengapakah segelintir masyarakat di negara kita melakukan provokasi semasa pilihan raya dan apakah langkah untuk mengatasi masalah tersebut? [6 markah]

d. Sekiranya anda sebagai ahli Dewan Rakyat, apakah sumbangan anda kepada masyarakat setempat? [4 markah]

10. Dasar Kependudukan merupakan dasar pembangunan ekonomi yang diperkenalkan untuk memenuhi keperluan ekonomi moden yang berteraskan perindustrian.

a. Apakah yang anda faham tentang Dasar Kependudukan? [4 markah]


b. Apakah rasionalnya Dasar Kependudukan terhadap kemajuan negara kita? [4 markah]

c. Jadual 1 dan Graf 1 menunjukkan penurunan dari segi kadar pertumbuhan penduduk di Malaysia dari tahun 2000 hingga 2014.

Negara	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Malaysia	2.01	1.96	1.91	1.86	1.83	1.8	1.78	1.76	1.74	1.72	1.61	1.58	1.54	1.51	1.47

(Sumber : <http://www.indexmundi.com>)

Jadual 1



Graf 1

c. i. Pada pendapat anda mengapakah kadar pertumbuhan penduduk di Malaysia menurun? [6 markah]

c. ii. Sekiranya kadar pertumbuhan penduduk melebihi daripada kadar pembangunan sosioekonomi negara, apakah yang akan berlaku? [6 markah]

11. Deklarasi Bangkok yang ditandatangani pada 8 Ogos 1967 telah membawa kepada penubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN). Jumlah negara anggotanya kini, sebanyak sepuluh buah negara termasuk Malaysia.

a. Apakah faedah yang diperoleh negara kita dengan menyertai ASEAN. [4 markah]

b. ASEAN merupakan salah sebuah pertubuhan serantau yang sangat berjaya di dunia. Buktikan. [4 markah]

c.i. Bersetujukah anda sekiranya ASEAN meluaskan negara keanggotaannya melepasi ruang geografi Asia Tenggara. Sebagai contoh, ASEAN menerima negara-negara seperti India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, Maldives dan Papua New Guinea sebagai negara anggota yang baharu. Jelaskan alasan anda. [6 markah]

c.ii. Menerusi pengalaman sejarah, terdapat banyak pertubuhan serantau dan pertubuhan

sedunia yang akhirnya lenyap daripada lipatan sejarah.
Mengapakah keadaan sedemikian boleh berlaku?

[6 markah]